900/2
PENGAJIAN AM
Kertas 2
September
2009
3 Jam

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2009

PENGAJIAN AM

KERTAS 2

TIGA JAM

Arahan kepada calon:

Jawab **enam** *soalan. Pilih* **satu** *soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, D dan E dan* **dua** *soalan dalam Bahagian C.*

Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.

Markah bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]

NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf. Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak

© Majlis Peperiksaan Terengganu 2009

Bahagian A

Pilih **satu** *daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.* [25]

1 Kadar celik huruf merupakan salah satu indikator pembangunan sesebuah negara. Bincangkan apakah indikator-indikator lain yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat tersebut.

2 Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar. Huraikan pernyataan di atas.

Bahagian B

Pilih **satu** *daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.* [25]

3 Pemanasan global yang dihadapi dunia berisiko membawa kepada berlakunya 'krisis sumber makanan'. Namun bukanlah pemanasan global sahaja yang boleh mencetuskan risiko krisis ini. Bincangkan.

4 Kurang melakukan aktiviti fizikal, senaman atau 'larian kecil' di samping faktor-faktor lain merupakan penyebab yang menjejaskan tahap kecergasan atau mewujudkan 'rasa tidak bertenaga'. Jelaskan penyataan tersebut.

6 (a) "Nisbah karbon dioksida yang semakin meningkat menjadi kebimbangan dunia. Kandungan bahan ini yang terkumpul di ruang atmosfera memantulkan semula bahang matahari ke ruang angkasa. Gas ini juga menyerap bahang daripada cahaya matahari yang akhirnya memberi kesan kepada keadaan suhu di bumi. Manakala pencemaran oleh gas sulfur dioksida, karbon monoksida, nitrik oksida dan asid karbonik serta bahan pencemar lain yang naik dan terapung sehingga hujan turun, merupakan faktor yang menyebabkan berlaku hujan asid yang membawa banyak kesan buruk."

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Dewan Kosmik*, November 2008)

i) Bagaimanakah kewujudan gas karbon dioksida memberi kesan kepada suhu bumi?

ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, huraikan kesan hujan asid.

ATAU

(b) "Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) boleh dikatakan sebagai pembunuh misteri. Serangan virus penyakit ini hanya menunjukkan tanda-tanda menghidapi penyakit biasa sahaja seperti demam dan selesema. Namun sesetengah virus yang menjadi punca penyakit ini seperti virus entrovirus 71, boleh menjadi punca kepada radang otak dan kegagalan jantung, sekali gus boleh menyebabkan sawan sehingga boleh membawa maut. Oleh itu, mendapat rawatan segera penting bagi melindungi daripada serangan virus HFMD."

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada,
Berita Harian, 8 Januari 2004)

i) Mengapakah penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dikatakan sebagai pembunuh misteri?

ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, bincangkan langkah-langkah dalam menangani serangan virus HFMD ini.

Bahagian D

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.* [15]

7 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta pai yang sesuai untuk menunjukkan nilai eksport barangan utama bagi tahun 2003 dan 2004.

Nilai eksport barangan utama negara sering berubah-ubah berikutan pengaruh daripada permintaan luar dan kadar tukaran mata wang yang tidak stabil. Barangan utama eksport negara seperti petroleum, tekstil, hasil-hasil pertanian dan barangan elektrik mendapat sambutan di pasaran antarabangsa.

Jumlah eksport negara pada tahun 2003 adalah sebanyak RM330 536 juta berbanding tahun 2004 yang berjumlah RM388 517 juta. Nilai eksport barangan elektrik pada tahun 2003 berjumlah RM210 724 juta atau 63.75 peratus. Nilai eksport barangan elektrik meningkat sebanyak RM30 759 juta pada tahun berikutnya.

Pada tahun 2004, eksport gas asli cecair berjumlah RM17 079 juta berbanding RM13 358 juta pada tahun sebelumnya. Negara juga mengeksport petroleum mentah ke luar negara kerana petroleum negara yang bermutu tinggi. Pada tahun 2003, eksport petroleum mencatatkan jumlah sebanyak RM8 292 juta atau 2.51 peratus. Walau bagaimanapun jumlah ini meningkat sebanyak RM3 767 juta berbanding tahun sebelumnya.

Kempen secara besar-besaran yang dilancarkan oleh kerajaan di luar negara telah meningkatkan penjualan minyak kelapa sawit iaitu sebanyak RM27 691 juta pada tahun 2003. Minyak kelapa sawit didapati mengandungi kolesterol yang lebih rendah daripada minyak soya. Kejayaan kempen tersebut terbukti apabila nilai eksport minyak kelapa sawit meningkat pada tahun berikutnya kepada RM29 116 juta atau 7.49 peratus.

Eksport getah asli negara mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2004 berbanding tahun sebelumnya. Nilai eksport getah pada tahun 2003 sebanyak RM 3 582 juta, meningkat sebanyak RM1 615 juta pada tahun berikutnya. Peningkatan ini disebabkan permintaan yang tinggi dari negara luar dan kegunaan getah yang semakin bertambah.

Eksport barangan lain yang terdiri daripada kayu dan hasil keluaran kayu, pakaian dan kelengkapan pakaian serta alat-alat keluaran kilang yang lain mencatatkan nilai tertinggi, iaitu sebanyak RM66 889 juta atau 20.24 peratus pada tahun 2003. Nilai eksport ini meningkat sebanyak RM16 694 juta pada tahun berikutnya.

Eksport negara sering dipengaruhi oleh keadaan pasaran asing yang menentukan permintaan terhadap produk atau bahan komoditi negara. Hasil-hasil keluaran yang sama dalam kalangan negara ASEAN juga menyebabkan negara terpaksa bersaing untuk mendapatkan pasaran yang lebih luas.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Buku Tahunan Perangkaan*,
Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005)

8 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf bar yang sesuai untuk menunjukkan bilangan penduduk mengikut negeri dan jantina pada tahun 2003 dan 2004.

Pada tahun 2003, bilangan penduduk lelaki di negeri Johor seramai 1 106.6 ribu orang berbanding 1 055.8 ribu orang penduduk perempuan. Penduduk di negeri Kedah pula adalah kurang berbanding negeri Johor iaitu seramai 1 364.5 ribu orang. Daripada jumlah itu, penduduk lelaki mencatatkan 674.8 ribu orang dan selebihnya penduduk perempuan. Begitu juga dengan negeri Kelantan yang mempunyai bilangan penduduk perempuan yang lebih ramai, sedangkan penduduk lelaki hanyalah seramai 594.7 ribu orang daripada jumlah penduduk keseluruhannya yang berjumlah 1 207.7 ribu orang.

Bilangan penduduk lelaki di Sabah pada tahun 2003 adalah seramai 954.4 ribu orang, manakala penduduk perempuan seramai 854.3 ribu orang. Jumlah penduduk lelaki adalah lebih tinggi berbanding penduduk perempuan memandangkan kadar kelahiran yang tinggi dalam kalangan mereka. Penduduk lelaki di Selangor juga mencatatkan bilangan yang tinggi berbanding penduduk perempuan iaitu seramai 1 227.3 ribu orang, mengatasi 41 ribu orang daripada penduduk perempuan.

Pada tahun 2004, bilangan penduduk di negeri Johor seramai 2 740.6 ribu orang, meningkat sebanyak 578.2 ribu orang berbanding jumlah penduduk pada tahun 2003. Bilangan penduduk lelaki seramai 1 419.6 ribu orang manakala penduduk perempuan berkurang sebanyak 98.6 ribu orang. Penduduk di negeri Kedah adalah kurang iaitu bilangan penduduk lelaki dan perempuan masing-masing seramai 819 ribu orang dan 830.7 ribu orang.

Pada tahun 2004, bilangan penduduk di negeri Kelantan paling sedikit berbanding negeri-negeri lain. Penduduk lelaki adalah seramai 655.3 ribu orang, iaitu berkurang 2.4 ribu orang daripada bilangan penduduk perempuan. Di negeri Sabah, bilangan penduduknya agak tinggi iaitu 2 603.5 ribu orang pada tahun tersebut. Bilangan penduduk lelaki seramai 1 345.5 ribu orang iaitu lebih sebanyak 87.5 ribu orang daripada penduduk perempuan. Manakala penduduk di negeri Selangor pula paling ramai iaitu 4 188.9 ribu orang. Bilangan penduduk lelaki mencatatkan 2 143.0 ribu orang, manakala selebihnya penduduk perempuan.

(Dipetik daripada *Buku Tahunan Perangkaan*,
Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005)

Bahagian E

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. [15]

9 Berdasarkan jadual di bawah, jawab soalan-soalan berikut:

i) Bincangkan perbezaan kehadiran pelancong yang melawat Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak pada tahun 2003 dan tahun 2004.

ii) Jelaskan faktor-faktor yang menjadi tarikan kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

Negara	**Tahun 2003**		**Tahun 2004**	
	Semenanjung (ribu orang)	Sabah dan Sarawak (ribu orang)	Semenanjung (ribu orang)	Sabah dan Sarawak (ribu orang)
ASEAN	7 714	319	11 799	691
Benua Eropah	279	5.00	267	8.8
Amerika Syarikat	128	2.5	138	6.97
China	340	9.8	509	40.5
Saudi Arabia	19	0.11	39	0.16
Jumlah	**8 480**	**336.41**	**12 752**	**747.43**
	8 816.41		**13 499.43**	

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2005*, Jabatan Perangkaan Malaysia).

10 Berdasarkan gambar rajah di bawah, bincangkan kesan pembentukan Koridor Raya Multimedia (MSC) terhadap pembangunan negara.



(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia).

Bahagian C

*Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian ini: **satu** daripada soalan 5(a) **atau** 5(b) dan **satu** lagi daripada soalan 6(a)* **atau** *6(b).*

5 a) Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting sebagai asas, tulang belakang dan pendukung dalam pembangunan ekonomi negara. Bagi mengekalkan pertumbuhan produktiviti dan daya saing tersebut, PKS perlu meningkatkan penjanaan nilai ditambah, penggunaan teknologi tinggi, mempelbagaikan pasaran eksport dan meningkatkan perkhidmatan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Utusan Malaysia, 15 Julai 2009)

i) Jelaskan sumbangan PKS kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh PKS di Malaysia.

ATAU

(b) Agropelancongan merupakan salah satu projek yang semakin popular masa kini kerana minat yang ditunjukkan oleh para pelancong tempatan dan luar negara untuk mendalami kehidupan masyarakat desa. Bagi penduduk kota, menginap di salah sebuah pusat peranginan atau resort berkonsep agro pelancongan mampu memberi kedamaian kerana ia terletak di luar bandar yang jauh dari hiruk pikuk di bandar.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Utusan Malaysia* Selasa, 2 Ogos 2005)

i) Terangkan bagaimana konsep agropelancongan dapat dilaksanakan oleh para pengusaha tani.

ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 perkataan nyatakan apakah langkah lain yang boleh diambil bagi memajukan agropelancongan.